



---

KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN & TEKNOLOGI MALAYSIA

---

SURAT PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 11 TAHUN 2006

---

**SYARAT-SYARAT BAGI MENDAPAT ANJAKAN GAJI**

**TUJUAN**

1. Surat Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk **menjelaskan syarat-syarat bagi mendapat anjakan gaji setelah lulus peperiksaan/kursus Penilaian Tahap Kecekapan yang ditetapkan.**

**LATARBELAKANG**

2. Garispanduan ini telah mendapat kelulusan pihak **Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) yang bermesyuarat pada 21 Disember 2006.**
3. **Pekeliling Perkhidmatan Bil.4 Tahun 2002**, Perenggan 49 menerangkan mengenai pergerakan gaji tahunan di bawah Sistem Saraan Malaysia (SSM) adalah seperti berikut ;
  - i. Pergerakan Gaji Biasa atau
  - ii. Anjakan Gaji

**SYARAT-SYARAT BAGI MENDAPAT ANJAKAN GAJI**

4. **Syarat untuk mendapat Anjakan Gaji Pertama** bagi gred lantikan di KUKTEM adalah seperti berikut;
  - a. Disahkan dalam perkhidmatan
  - b. Lulus PTK yang ditentukan dengan mendapat Aras IV
  - c. **Berkhidmat tidak kurang daripada 3 tahun**
  - d. **Mencapai tahap prestasi yang baik**
    - Pihak PPSM KUKTEM pada mesyuarat bertarikh **26 April 2006** menetapkan **markah LNPT sebanyak 85% ke atas**
  - e. **Diperakukan oleh Ketua Jabatan**

5. Manakala **Anjakan Gaji Kedua** bagi gred lantikan boleh dipertimbangkan setelah staf memenuhi 4 syarat iaitu;
  - a. Lulus PTK yang ditentukan dengan mendapat Aras IV
  - b. Telah memperolehi Anjakan Gaji Pertama tidak kurang daripada 1 tahun
  - c. **Mencapai tahap prestasi yang baik**
    - Pihak PPSM KUKTEM pada mesyuarat bertarikh 21 Disember 2006 menetapkan markah LNPT sebanyak 85% ke atas
  - d. **Diperakukan oleh Ketua Jabatan**
  
6. **Anjakan bagi gred kenaikan pangkat** pula adalah seperti;
  - a. Lulus PTK yang ditentukan dengan mendapat Aras IV
  - b. Berada di gred kenaikan pangkat berkenaan tidak kurang daripada 1 tahun
  - c. **Mencapai tahap prestasi yang baik**
    - Pihak PPSM KUKTEM pada mesyuarat bertarikh 21 Disember 2006 menetapkan markah LNPT sebanyak 85% ke atas
  - d. **Diperakukan oleh Ketua Jabatan**
  
7. Pergerakan Gaji Biasa dan Anjakan Gaji adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan dan **masih ada ruang pergerakan gaji.**
  
8. Bagi memenuhi syarat lulus TK 1 hendaklah **hadir Kursus Kenegaraan**. Kursus Kenegaraan perlu dihadiri oleh staf berikut;
  - i. Pegawai lantikan pertama dalam perkhidmatan awam yang belum disahkan dalam perkhidmatannya atau
  - ii. Pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan tetapi tempoh perkhidmatannya adalah kurang daripada 3 tahun pada 1.1.2005 dan belum mengikuti Kursus Kenegaraan.

## KUATKUASA

9. Peraturan ini berkuatkuasa serta-merta.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**Saya yang menjalankan tugas,**

  
**(HAJI SA'UDI BIN HAJI AHMAD, SMP., PKC.)**  
**PENDAFTAR**

Tarikh : 29 Disember 2006

### **Edaran Kepada:**

Rektor

Timbalan Rektor (Akademik dan Perantarabangsaan)

Timbalan Rektor (Penyelidikan dan Inovasi)

Bendahari

Ketua Pustakawan

Semua Dekan

Semua Pengarah

Semua Ketua Bahagian / Unit

Pkh/c/pekeliling/spp6